

Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian dan Impaknya Terhadap Guru Novis Pendidikan Islam

BITARAVolume 3, Issue 4, 2020: 151-162
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Online Teaching and Learning by Novice Teachers of Islamic Education and Its Impact]

Fadzliyah Hashim,¹ Farah Farhana Rosli,¹ Fatahiyah Elias,¹
Mohd Radzi Lebai Mat¹ & Che Nazrah Mohd Yusof¹

Abstrak

Suasana norma baharu pandemik COVID'19 memperlihatkan guru-guru Pendidikan Islam mengaplikasikan pembelajaran secara dalam talian semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Aplikasi secara dalam talian ini membuka ruang kepada guru-guru pendidikan Islam menjadi lebih kreatif menghasilkan PdP dalam talian secara bermakna. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti perspektif guru novis pendidikan Islam terhadap PdP dalam talian dan impak pelaksanaannya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif, melibatkan seramai 80 responden yang terdiri daripada guru-guru novis Pendidikan Islam. Analisis secara deskriptif berkaitan perspektif guru novis Pendidikan Islam dan impak pelaksanaan PdP dalam talian, digunakan dalam kajian tinjauan ini. Dapatan data menunjukkan responden memahami konteks pelaksanaan PdP secara dalam talian dan memberi impak kepada pelaksanaan pengajaran mereka di dalam kelas. Sehubungan itu, kajian ini sedikit sebanyak memberi maklumat yang berguna berkaitan guru novis Pendidikan Islam yang sentiasa bersedia menyampaikan ilmu mengikut arus semasa. Selain itu, ia seiring dengan keperluan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memperkasakan PdP atas talian khususnya semasa premis sekolah yang terpaksa ditutup akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kata kunci:

PdP dalam Talian, Guru Novis, Impak, Pendidikan Islam.

Abstract

The atmosphere of the new norm of the COVID'19 pandemic shows that Islamic Education teachers apply online learning during the teaching and learning process (PdP). This online application opens the space for Islamic education teachers to be more creative in generating meaningful online PdP. Thus, this study was conducted to identify the perspectives of Islamic education novice teachers on online PdP and the impact of its implementation. This study uses a quantitative design, involving a total of 80 respondents consisting of novice teachers of Islamic Education. A descriptive analysis of the perspectives of novice Islamic Education teachers and the impact of online PdP implementation, was used in this survey study. The findings show that respondents understand the context and impact of the implementation of PdP online of their teaching in the classroom. In this regard, this study to some extent provides useful information related to Islamic Education novice teachers who are always ready to impart knowledge according to current trends. Apart from that, it is in line with the need of the Ministry of Education Malaysia to strengthen PdP online, especially during school premises which had to be closed due to the Movement Control Order (PKP).

Keywords:

Teaching and Learning Online, Novice Teacher, Impact, Islamic Education.

¹ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Darulaman, Kedah MALAYSIA

Corresponding Author:

FATAHIYAH ELIAS, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Darulaman, Kedah MALAYSIA
E-mail: fatahiyahelias@ipda.edu.my

Cite This Article:

Fadzliyah Hashim, Farah Farhana Rosli, Fatahiyah Elias, Mohd Radzi Lebai Mat & Che Nazrah Mohd Yusof. 2020. Pengajaran dan pembelajaran dalam talian dan impaknya terhadap guru novis Pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 151-162.

Pengenalan

Era perkembangan teknologi kini memberi kesan yang besar kepada perubahan hidup masyarakat. Aspek pengetahuan menjadi semakin berkembang kesan daripada perubahan tersebut. Kesan utama adalah berlaku kepada perkembangan dimensi dan inovasi khususnya dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Senario ini menjadi petunjuk kepada kemajuan Malaysia khususnya ke arah negara maju yang membangun mengikut acuannya yang tersendiri. Justeru, penggunaan teknologi mula dilaksanakan secara meluas khususnya di peringkat sekolah mahupun peringkat tinggi. Ia sejajar dengan saranan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia membudayakan penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdP) khususnya semasa suasana pandemik *Corona virus (COVID'19)* menular.

Fenomena sebegini turut mencetuskan satu gelombang baharu kepada para pendidik secara umumnya. Golongan pendidik perlu berusaha menambahbaik kemahiran dan penguasaan ilmu TMK ke tahap yang lebih berkesan. Perubahan teknologi digital dalam bidang pendidikan telah menaik taraf kemudahan teknologi di institusi pendidikan di Malaysia. Secara tidak langsung memberi ruang kepada para guru membuat penambahbaikan dalam menguasai ilmu teknologi seterusnya memudahkan proses PdP. Menurut Abd Hakim et.al (2018), proses PdP menggunakan teknologi lebih diminati kerana bahan penyampaian adalah secara interaktif, realiti, inovatif dan eksplorasi serta boleh diakses di mana-mana sahaja. Di samping itu, penerimaan pelajar terhadap ilmu juga lebih berkesan dan menjimatkan masa (Nor Aziah & Mohd Taufik, 2016; Noraini & Shuki, 2009). Bersesuaian dengan penerimaan tersebut, para pendidik perlu menggembelng tenaga dan berusaha bagi meningkatkan kualiti penyampaian ilmu dan berimpak tinggi. Namun, timbul beberapa cabaran yang terpaksa dihadapi oleh para guru dalam usaha merealisasikan hasrat ini khususnya dalam kalangan guru baharu atau guru novis Pendidikan Islam.

Seiring dengan cabaran yang berlaku, guru novis dilihat sebagai kelompok guru yang perlu diberi tumpuan sebaiknya. Guru novis Pendidikan Islam yang dilihat dalam konteks pendidikan guru di Malaysia diberi latihan dengan berkesan oleh institusi-institusi mereka bagi memenuhi tuntutan sektor pendidikan. Proses transisi daripada guru novis kepada guru dalam perkhidmatan bukan suatu yang mudah. Mereka perlu menguasai ilmu pedagogi dan realiti sebenar sepanjang berkhidmat yang berbeza dengan suasana mereka mengikuti latihan pendidikan guru. Tanggungjawab mereka bukan semata melaksanakan aktiviti di kelas iaitu PdP, malah menerapkan pelajar agar menikmati kehidupan yang seimbang, seiring dengan harapan KPM yang menyasarkan pendidikan yang holistik. Hal ini memandangkan kelompok guru novis perlu mengaplikasikan kemahiran teknologi dan komunikasi semasa PdP. Aspek yang ditekankan meliputi perancangan, kaedah pedagogi yang sesuai dan tersusun dalam usaha meningkatkan kecemerlangan pelajar (Ab. Halim Tamuri et al., 2012; Habibah et al., 2016).

Terdapat kajian yang meluas membincangkan mengenai guru-guru novis, sama ada dalam membezakan mereka dengan guru yang berpengalaman atau pun mengenai kebolehan mereka sendiri. Antara isu-isu yang sering dibahaskan adalah berkenaan dengan pelaksanaan PdP guru novis di dalam kelas dan luar kelas, hubungan sosial mereka dengan para guru yang lain mahu pun pentadbir, dan juga kerja pentadbiran yang perlu dilakukan di luar waktu PdP. Isu guru novis yang mempunyai masalah dalam kompetensi pedagogi juga telah dilaporkan di dalam beberapa kajian. Sebagai contoh, Goh et al. (2017) telah mengenal pasti beberapa masalah dalam kompetensi pedagogi guru novis di Malaysia iaitu kawalan bilik darjah, tingkah laku pelajar, penyediaan pengajaran, pengetahuan mereka terhadap pedagogi, memahami keperluan pelajar dan juga kesedaran sebagai seorang guru. Wolff et al. (2017) pula membuat perbandingan antara interpretasi guru novis dan guru yang berpengalaman terhadap pengurusan kelas yang bermasalah dengan memfokuskan kepada peranan guru novis dalam menangani masalah pengurusan kelas mereka. Orgoványi-Gajdos (2015), Oshrat-Fink (2014), dan Lokman et al. (2014) masing-masing mendapati bahawa guru novis mempunyai kesukaran dalam mengadaptasi apa yang telah dipelajari semasa berada dalam institusi latihan pendidikan guru ke dalam kelas yang sebenar. Seterusnya, di antara isu lain yang telah dibincangkan di dalam kajian Goh et al. (2012) adalah menyentuh tentang tahap profesionalisme guru novis. Kajian juga mendapati bahawa guru novis di Malaysia sangat menghargai pertolongan dan sokongan daripada rakan sekerja mereka (Goh, 2013).

Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti perspektif dan impak pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian terhadap guru novis Pendidikan Islam. Kajian ini penting bagi menganalisis sejauhmana guru-guru novis keluaran Institut Pendidikan Guru Malaysia khususnya memahami seterusnya bersedia dan mendepani senario besar ini dalam suasana yang serba rencam dan mencabar kini. Kelompok guru-guru baharu dalam dunia pendidikan dilihat cukup relevan dikaji kerana mereka merupakan generasi yang akan memimpin pendidikan negara pada masa akan datang dan perlu menguasai ilmu teknologi yang lebih mapan bersesuaian dengan zaman kini.

Objektif

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru novis Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan impaknya terhadap prestasi guru dalam penyampaian ilmu

Metodologi

Kajian yang menggunakan reka bentuk kuantitatif, melibatkan seramai 80 responden yang terdiri daripada guru-guru novis Pendidikan Islam (PI). Analisis secara deskriptif berkaitan perspektif guru novis PI dan impak pelaksanaan PdP dalam talian digunakan dalam kajian tinjauan ini. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi tiga konstruk iaitu aspek demografi, persepsi guru terhadap PdP dalam talian serta impak PdP dalam talian terhadap guru. Indikator-indikator ini dibina menggunakan lima skala *Likert* iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang pasti, setuju dan sangat setuju. Skala *Likert* ini digunakan bagi

menilai persepsi dan impak pelaksanaan PdP dalam talian semasa wabak *Corona virus (COVID'19)* berlaku di dalam negara khususnya. Soal selidik ini juga ditadbir melalui *google form* di mana *link* laman web telah diberikan kepada responden secara rawak. *Link* tersebut dihantar menerusi aplikasi *whatsApp*. Data dikumpulkan dalam tempoh satu minggu kemudiannya dianalisis secara deskriptif bagi menjawab objektif kajian. Berdasarkan taburan data yang diperoleh, pengkaji menganalisis respons yang diterima dengan melihat kepada frekuensi dan peratus.

Tinjauan Literatur

Pembelajaran secara dalam talian atau e-pembelajaran adalah menekankan tentang teknologi dan pedagogi di setiap peringkat negeri atau negara. Pembelajaran dalam talian adalah menggunakan internet untuk mengakses bahan pembelajaran dan berinteraksi dengan kandungan, pendidik dan rakan pelajar. Ianya bertujuan untuk menimba ilmu, membina sesuatu yang bermakna dan mendapatkan sokongan semasa proses pembelajaran berlaku serta dapat mengembangkan potensi diri hasil daripada pengalaman pembelajaran (Ally, 2004). Takrifan ini memberi penekanan kepada kepentingan Internet dan interaksi dalam pembelajaran jarak jauh. Seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan juga *Internet of Things* (IoT), telah banyak mempengaruhi perubahan kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidik (Rosnani, 2018). Konsep pembelajaran secara dalam talian merupakan pendekatan baharu dalam pengendalian proses PdP di institusi pendidikan di Malaysia. Menurut Nor Aziah dan Mohd Taufik (2016), pembelajaran dalam talian merupakan sistem penyampaian ilmu secara elektronik yang biasanya lebih dikenali sebagai sistem pengurusan pembelajaran, sistem pembelajaran virtual, dan sistem pengurusan kandungan yang disokong dengan isi pembelajaran dan kemudahan infrastruktur. Hal demikian bertepatan dengan pembelajaran secara maya yang diaplikasikan kini seiring dengan keperluan semasa penularan pandemik *COVID'19* yang melanda dunia.

Aplikasi pembelajaran secara dalam talian dapat membentuk cara pelajar untuk belajar, seterusnya berinteraksi di dalam kelas (Mohamed Amin, 2012). Kaedah pembelajaran tersebut mempunyai keupayaan untuk menyokong, menggalakkan perbincangan tidak formal, berdialog, berkolaboratif dan berkongsi ilmu secara terbuka (Mohamed Amin, 2013). Di samping itu, ia turut menjadi alat rangkaian sosial antara pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan guru. Penggunaan kaedah ini menjadi kegemaran kepada pelajar dan guru kerana bersifat terbuka dan mesra pengguna (Zuhri & Zawiyah, 2013). Perubahan teknologi dalam pengajaran secara umumnya telah mengubah kaedah pedagogi guru. Ia bukan sahaja dapat memudahkan dan mempercepatkan proses pengajaran, malah dapat menggalakkan pelajar untuk membiasakan pembelajaran sendiri.

Melalui penggunaan rangkaian teknologi ini interaksi manusia menjadi lebih menyeluruh, meluas dan pantas. Peluang berkongsi bahan-bahan rujukan juga boleh dilaksanakan iaitu melalui penggunaan *slideshare*, *Youtube*, *Wordpress*, *Blogger* dan *Blenspace* (Ahmad Fkrudin, Wan Norina & Nor Khayati, 2019). Alat persembahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik juga boleh diperolehi seperti *Prezi*, *Pear deck*, *Zoho Show*, *Flipsnack*, *Powtoon* dan *280 slides*. Semuanya bertujuan untuk mencapai objektif

pembelajaran ke tahap yang lebih baik dan berkesan serta bersesuaian dengan kandungan pelajaran. Suasana pembelajaran aktif dan berpusatkan pelajar dapat diketengahkan. Peranan guru bukan lagi sebagai pendeta yang menyampaikan ilmu tetapi lebih berperanan sebagai fasilitator dan pemudahcara dalam membantu meningkatkan potensi pelajar secara optimum (Kementerian Pendidikan Malaysia 2017).

Terdapat pelbagai kelebihan penggunaan teknologi secara dalam talian khususnya yang melibatkan aplikasi web 2.0. Kajian oleh Hamdan et.al (2013) menjelaskan bahawa aplikasi teknologi ini dapat meningkatkan (i) potensi pelajar untuk menguasai sesuatu kandungan pelajaran, (ii) maklum balas daripada pelajar-pelajar, dan (iii) interaksi dalam kalangan pelajar semasa dalam perbincangan atas talian. Kajian Shirley (2001) juga turut menekankan tentang pembelajaran dalam talian yang berkaitan pembangunan dan pengalaman. Satu cadangan rangka kerja yang lebih komprehensif diketengahkan bagi membangunkan penyampaian ilmu di peringkat pengajian tinggi. Seiring dengan kerangka tersebut pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian di peringkat pengajian asas juga penting dalam usaha memartabatkan mutu pendidikan negara. Melalui kaedah e-pembelajaran ini, pemikiran pelajar menjadi lebih kritis, kreatif dan membolehkan pembelajaran sendiri berlaku dengan berkesan. Ini selari dengan hasrat kerajaan Malaysia dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan yang ingin memajukan ekonomi melalui e-ekonomi iaitu ekonomi berlandaskan elektronik.

Pengaplikasian alat teknologi maklumat dan komunikasi serta jaringan internet dalam bidang pendidikan memberi petunjuk bahawa bidang ini terkesan dengan perkembangan teknologi tersebut. Kewujudan pembelajaran yang memerlukan capaian internet adalah selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang memberi penekanan kepada inovasi dalam TMK seperti menyediakan akses kepada portal 1BestariNet, penyediaan komputer sekolah ditingkatkan serta bengkel atau latihan perlu disediakan kepada guru-guru. Kemudahan sebegini disediakan bagi memudahkan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Hal ini demikian membuktikan sumber yang pantas dan pelbagai mudah diperolehi melalui capaian internet yang baik. (Caudill, 2007; Mohd Faez, Kalthom, Mohd Amin, Zetty & Muriyah, 2016). Bersesuaian dengan era baharu pengajaran dan pembelajaran, peranan guru dan murid menunjukkan sedikit perubahan. Peranan sebagai tenaga pengajar menjadikan guru kini sebagai pembimbing dan pemudahcara dalam pembelajaran. Murid-murid pula menjadi pemain yang aktif dalam proses PdP seterusnya melalui proses secara berpusatkan bahan. Kelas menjadi lebih terkawal kerana interaksi yang berlaku secara berpusatkan bahan (Kamarul Azmi & Noor Fadhlina, 2012; Siti Nor Farhana & Siti Mistima, 2017). Ruang ini memberi peluang kepada pelajar untuk merasai pengalaman baharu setiap kali mencari bahan rujukan (Mohd Faez et al., 2016). Menurut Nik Mastura et al. (2011), kaedah tradisional guru diubah kepada pendekatan dan cahaya baharu yang sesuai. Guru novis Pendidikan Islam perlu melakukan anjakan paradigma dalam usaha menjadikan pembelajaran secara dalam talian diterima secara positif dan melaksanakan pedagogi masa kini yang sesuai.

Minda kreatif, kritis dan inovatif dapat dibentuk melalui penggunaan teknologi dan pembelajaran secara dalam talian. Murid berpeluang meneroka ilmu secara lebih mendalam di samping mendapat bimbingan guru (Robiah & Nor Sakinah, 2007). Selain itu, amalan kolaboratif juga dapat diterapkan melalui teknologi tanpa wayar (Barker et al., 2005; Nik Mastura et al., 2011). Melalui capaian internet, mereka saling berhubung antara satu sama lain

dalam usaha menyiapkan tugas. Oleh demikian, generasi yang mempunyai minda kritis dan kreatif dapat dilahirkan. Usaha ke arah pembentukan murid yang cemerlang duniawi dan ukhrawi dapat direalisasikan melalui amalan kreativiti dan inovatif para guru.

Dapatan Kajian


Dapatan kajian yang diperoleh adalah menjawab objektif kajian iaitu; i) mengenal pasti persepsi guru novis Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PdP dalam talian dan ii) meneliti impak PdP dalam talian terhadap guru novis Pendidikan Islam. Dapatan kajian daripada 80 responden adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Demografi responden

Jantina			Umur			Kelayakan akademik			Institusi mengajar		
Item	Bil	%	Item	Bil	%	Item	Bil	%	Item	Bil	%
Lelaki	34	42.5	Bawah 30 tahun	35	43.8	Sarjana Muda	67	83	Bandar	53	66
Perempuan	46	57.5	Bawah 40 tahun	41	51.2	Sarjana	13	16	Luar bandar	27	33
			41 tahun ke atas	4	5	Kedoktoran	1	1	Pedalaman	1	1

Daripada 80 responden yang turut serta dalam soal selidik ini, 34 daripadanya adalah lelaki (42.5%) dan 46 adalah perempuan (57.5%). Latar belakang akademik mereka juga kebanyakannya memiliki Ijazah Sarjana Muda (83%) dan 14 lagi memiliki Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (17%). Dari segi umur responden yang terlibat pula, 35 responden berusia di bawah 30 tahun, 41 responden berusia antara 31 sehingga 40 tahun (51.2%) dan hanya 4 responden yang berusia 41 tahun ke bawah (5%). Kebanyakan responden ini mengajar di daerah bandar (66%) dan di luar bandar (33%).

52.5% responden juga adalah lulusan bidang Pendidikan Islam, 42.5% lagi adalah dari bidang Bahasa Arab yang mengambil opsyen Pendidikan Islam dan 5% adalah dari lain-lain bidang seperti Pendidikan Khas serta Bimbingan dan Kaunseling yang juga opsyen Pendidikan Islam.



Rajah 1: Demografi responden

Perspektif Guru terhadap Pembelajaran dalam Talian

Dapatan menunjukkan lebih 70 responden sedar tentang kewujudan ilmu teknologi terkini (92.5%). Bahkan mereka turut mahir dalam menggunakan peralatan teknologi (90%) tersebut. Tambahan pula mereka turut memiliki kemudahan peralatan teknologi seperti smartphones, laptop dan komputer meja (91.25%). Situasi ini membolehkan mereka mengadaptasi kaedah pengajaran dengan kecanggihan peralatan teknologi masa kini (88.75%). 66 responden juga turut mengakui mereka boleh membimbing pelajar melalui kemudahan peralatan teknologi yang dimiliki (82.5%). Ini ditambah lagi dengan adanya data internet peribadi tanpa had yang mereka miliki (90%). Walau bagaimanapun, mereka tidak pasti dengan kelajuan liputan jalur lebar internet yang ada (73.75%). 75 responden juga menyatakan mereka bebas memilih platform yang disukai dan dirasakan sesuai dengan konteks pengajaran mereka dalam menyampaikan pengajaran dalam talian (93.75%). Antara platform yang sering digunakan ketika mengajar dalam talian adalah seperti *whatsApp*, *Google Classroom*, *Youtube* dan *Google Meet*. Platform lain seperti *Gmail*, *padlet*, *Edmodo*, *Quizizz* dan *Wordwall* adalah jarang digunakan. Ini juga menunjukkan mereka selesa menggunakan platform yang disarankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (82.5%). Biar pun begitu, 20 responden didapati kurang selesa menggunakan pengajaran dalam talian (25%) dan mereka gemar memberikan tugas kepada pelajar secara manual seperti pos atau menunggu waris datang ke sekolah untuk mengambil bahan pengajaran (43.75%).

Impak Pengajaran dan pembelajaran dalam Talian terhadap Guru

Dapatan selanjutnya pula mendapati impak PdP dalam talian kepada guru novis Pendidikan Islam adalah berdasarkan kepada pengurusan emosi iaitu 51 responden di lihat gembira ketika melaksanakan pengajaran dalam talian (63.75%). Walau bagaimanapun, ada juga responden yang berasa tertekan ketika melaksanakan aktiviti pengajaran dalam talian (15%), tidak dapat fokus pada aktiviti pengajaran dalam talian (21.25%) dan memerlukan kaunseling khas berhubung dengan pengajaran dalam talian (8.75%).

Impak berikutnya adalah melihat kepada penaksiran secara holistik pelajar. 78 responden bersetuju bahawa pengajaran dalam talian ini tidak menetapkan bilangan ahli ketika melayarinya (97.5%). Keadaan ini memudahkan proses pembelajaran dalam talian yang berterusan (60%). Selain itu penaksiran pelajar juga turut boleh dilaksanakan dengan berterusan (48.75%) dan dapat mengukur prestasi kemahiran guru dalam melaksanakan PdP dalam talian (48.75%). Namun, segelintir responden menyatakan bahawa pelajar kurang memberi maklum balas ketika PdP dalam talian (50%) menyebabkan guru sukar untuk mengenal pasti pemahaman pelajar terhadap kandungan pengetahuan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (81.25%).

Seterusnya kestabilan platform pengajaran juga memberi impak kepada pembelajaran dalam talian di mana 74 responden mengakui bahawa keadaan PdP dalam talian ini dijamin jaringannya keselamatannya yang terkawal (92.5%). Malah sumber bahan pengajaran juga mudah diakses tanpa batasan (92.5%). 70 responden juga turut mengakui melalui PdP dalam talian ini membolehkan mereka mengakses penggunaan alatan teknologi seoptimum mungkin (87.5%). Kestabilan platform ini juga membuatkan penyampaian kandungan pengetahuan dalam PdP mudah dilakukan (93.75%) dan bebas digunakan dalam setiap masa serta keadaan (87.5%). Selanjutnya, PdP dalam talian ini juga memberi impak di mana penggunaannya secara dalam talian disokong oleh pihak sekolah (83.75%), guru juga boleh merancang pengajaran dalam talian dengan berkesan (86.25%), PdP dalam talian mengikut perancangan yang dijadualkan (63.75%), selesai dengan pengajaran dalam talian (53.75%) dan sentiasa siap sedia dengan perubahan pengajaran (62.5%).

Perbincangan

Dalam usaha memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam mengikuti pembelajaran, guru mula menggunakan opsyen untuk menjalankan kelas secara dalam talian. Ally (2014) menjelaskan bahawa pelbagai kekusaran yang timbul apabila ingin melaksanakan kaedah pembelajaran secara atas talian ini. Ada pelajar yang tidak mempunyai gajet atau telefon pintar peribadi, ada yang tidak mempunyai cukup data internet dan ada pula yang tidak mempunyai capaian internet langsung. Bagi guru pula, wujud kesangsian platform manakah yang sesuai untuk melaksanakan PdP secara atas talian dan kebanyakannya menggunakan kaedah cuba jaya, iaitu menggunakan mana-mana platform dan lihat kepada kesesuaian. Tiga implikasi utama yang dilihat menjadi cabaran besar kepada guru khususnya guru novis dalam Pendidikan Islam ini adalah bagi menjalankan pembelajaran secara atas talian, iaitu kebolehcapaian internet dan kestabilan platform pengajaran, pengurusan emosi serta penaksiran secara holistik.

Kebolehcapaian internet menjadi salah satu perkara penting dalam mengendalikan kelas dalam talian. Usaha mengenal pasti tahap kebolehcapaian internet bagi setiap pelajar di dalam kelas dapat membantu guru dalam menentukan kaedah bersesuaian bagi membolehkan kelas atas talian dapat dijalankan dengan baik. Namun begitu, beberapa kekangan wujud terutamanya bagi pelajar yang tinggal di kawasan yang kurang mendapat liputan internet. Oleh yang demikian, guru-guru perlu menghubungi mereka melalui platform yang lebih sesuai seperti aplikasi *WhatsApp*, *Telegram* mahupun *Messenger*. Sekiranya pelajar-pelajar ini tidak dapat dihubungi melalui aplikasi-aplikasi ini, maka kaedah konvensional adalah pilihan terakhir

dengan mengepos atau menghantar bahan pengajaran kepada mereka. Ini amat penting bagi mengelakkan murid ketinggalan mengikuti sesi pembelajaran, dan pada masa yang sama, berupaya merangsang sistem kognitif murid secara berterusan. Pemilihan platform bersesuaian amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini bertujuan mengelakkan berlakunya *lag* atau *screen freeze* yang boleh mengganggu tumpuan pelajar sekiranya kelas atas talian dilakukan secara bersemuka Ahmad Fkrudin, Wan Norina & Nor Khayati (2019) . Guru perlu mengetahui tahap kestabilan internet, sama ada rendah, sederhana atau tinggi sebelum memilih platform pengajaran yang bersesuaian. Sekiranya capaian internet rendah, platform seperti *WhatsApp*, *Telegram* dan *Instagram* sesuai dijadikan platform pengajaran murid. Kaedah pengajaran berbeza sesuai dijalankan menggunakan platform yang berlainan kepada pelajar berdasarkan jenis capaian internet mereka (Zuhri & Zawiyah, 2013). Meski pun dilihat sebagai satu cara yang renyah, kaedah ini dilihat berkesan dalam membolehkan pembelajaran pelajar dicapai secara maksimum.

Implikasi kedua PdP dalam talian adalah pengurusan emosi. Guru novis Pendidikan Islam berasa kurang selesa dalam menyampaikan pengajaran lantaran fokus hanya bertumpu dalam kelas dalam talian sahaja tanpa berkomunikasi secara lisan dengan pelajar. Ini mengakibatkan emosi guru mulai mengalami ketidakstabilan. Sesi PdP dalam talian yang mempunyai jadual tertentu mengikut ketetapan jadual asal juga perlu mengambil kira peranan guru dalam menguruskan kerja-kerja lain. Oleh yang demikian, satu platform kaunseling khas perlu diwujudkan oleh pihak sekolah. Platform ini perlu disebarkan kepada guru bagi membolehkan mereka berkongsi rasa dengan pihak sekolah sekiranya mereka mengalami ketidakstabilan emosi. Sokongan kaunseling amat perlu dalam berhadapan dengan normal baharu pembelajaran.

Implikasi ketiga pelaksanaan pembelajaran dalam talian ini adalah penaksiran holistik. Persoalan timbul apabila bagaimana penaksiran dapat dijalankan bagi memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Kaedah penaksiran secara holistik ini dilihat kaedah paling ideal dalam mengukur tahap pengetahuan pelajar. Kaedah penaksiran ini yang merupakan kombinasi daripada subjek teras yang merupakan lapisan pertama dan elektif sebagai lapisan kedua kaedah penaksiran yang mampu mengukur keupayaan pemikiran aras tinggi pelajar. Keupayaan membentuk minda berfikir kritis dan kreatif bermula daripada bimbingan berterusan guru dalam meneroka ilmu. Aspek ini sejajar dengan penjelasan Robiah & Sakinah (2007) berkaitan guru membimbing murid meneroka ilmu secara mendalam. Pada masa yang sama, kombinasi ini juga boleh disertakan dengan subjek Pendidikan Islam dan Moral sebagai lapisan ketiga yang berupaya mengukuhkan penerapan nilai kepada murid. Kaedah penaksiran berasaskan projek yang boleh dilaksanakan bersama keluarga, kajian kes, ulasan artikel, menjalankan eksperimen dan merekabentuk poster mampu memenuhi keperluan komponen pembentukan intelektual, rohani, emosi dan jasmani. Secara tidak langsung memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Negara yang ingin melahirkan murid yang seimbang dari aspek jasmani, emosi , rohani dan intelektual.

Kesimpulan

Melihat penularan wabak *COVID'19* secara positif, ia mencetuskan satu semangat dan usaha yang luar biasa bagi pendidik khususnya guru novis Pendidikan Islam di Malaysia dalam

memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam pendidikan. Para pendidik berusaha sedaya upaya menjadi kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran. Mereka tanpa segan silu berguru bagi meningkatkan keupayaan mereka untuk mendidik seiring dengan kemajuan teknologi. Selari dengan norma baharu, pembelajaran secara dalam talian ini memerlukan komitmen dan sokongan tidak terhingga ibu bapa dalam membantu pendidik mendidik pelajar. Ibu bapa perlu memahami norma baharu pendidikan, memberikan ruang kepada anak-anak menghadiri kelas dalam talian serta turut memantau sesi pembelajaran dan kerja sekolah mereka. Usaha luar biasa ini tidak terkecuali memerlukan komitmen pelajar yang tidak berbelah bahagi. Penglibatan pelajar dalam kelas atas talian ini bukan sahaja sekadar mendengar celoteh pendidik, tetapi memberikan respons serta menyiapkan tugas yang diberikan. Sekiranya pelajar tidak memberikan komitmen secukupnya, ia seakan 'bertepuk sebelah tangan', manakan jadi ilmu yang dihulurkan bersambut kepada murid. Jelas bahawa keupayaan memberikan khidmat pendidikan yang terbaik kepada pelajar semasa wabak *COVID*'19 ini memerlukan usaha dan tenaga yang luar biasa daripada semua pihak.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam*. GJAT, 2(2), 53-63.
- Abd Hakim Abdul Majid, Mokhairi Makhtar, & Syadiah Nor Wan Shamsuddin. (2018). *Keperluan Pembelajaran Berasaskan Realiti Maya Dalam Konstruksi Pemasangan Komponen Komputer Mata Pelajaran TmK Spm Pendidikan Di Malaysia: Satu Kajian Rintis*. Asian People Journal (APJ), 1(1), 28-44. Retrieved from www.uniszajournals.com/apj
- Ahmad Fakrudin Mohamed Yusoff, Wan Norina Wan Hamat & Not Khayati Basir. (2019). *Penggunaan Aplikasi Web 2.0 Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) Di Politeknik*. Journal of Social Sciences and Humanities. 16(5): 1-13.
- Ally, M. 2004. Foundations of educational theory for online learning. In Theory and Practice of Online Learning, eds. T. Anderson and F. Elloumi. Athabasca, Canada: Creative Commons, Athabasca University.
- Barker, A., Krull, G., & Mallinson, B. (2005). A proposed theoretical model for m-learning adoption in developing countries. In *Proceedings of mLearning* (pp. 1-11). Retrieved from <http://mlearn.org/mlearn2005/CD/papers/Barker.pdf>
- Caudill, J. (2007). *The Growth of m-Learning and the Growth of Mobile Computing : Parallel Developments*. International Review of Research in Open and Distance Learning, 8(2), 1-14.
- Ellyza Karim. (2019). *Rekabentuk Pembelajaran dalam Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna di IPG Kampus Pendidikan Teknik*.
- Fullan, M., Langworthy, M. (2014). *A Rich Seam : How New Pedagogies Find Deep Learning*. Pearson.
- Fullan, M., Quinn, J. & McEachen, J.J. (2018). *Deep Learning : Engage the World Change the World*. Thousand Oaks : SAGE.

- Goh, P. S. C. (2013). Conceptions of competency: a phenomenographic investigation of beginning teachers in malaysia. *The Qualitative Report*, 18(20): 1-16.
- Goh, P. S. C., Noor Shah Saad & Wong, K. T. (2012). The 'voices' of beginning teachers in malaysia about their conceptions of competency: a phenomenographic investigation. *Australian Journal of Teacher Education*, 37(7): 58-70.
- Goh, P. S. C., Qismullah Yusuf & Wong, K. T. (2017). Lived experience: Perceptions of competency of novice teachers. *International Journal of Instruction*, 10(1): 21-36.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/index.php/my/arkib/pemberitahuan/2018/4183-skpmg2-2018>
- Lokman Mohd Tahir, Mohd Nihra Mohd Said, Roslee Ahmad, Khadijah Daud, Bambang Sumitono & Suhana Yusoff. (2014). Exploring the Induction Program for Novice Teachers. *Life Science Journal*, 11(8): 394-406.
- Mohamed Amin Embi. (2012). Aplikasi Rangkaian Sosial Web 2.0 dalam Pendidikan. Bangi: Pusat Pembangunan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Amin Embi. (2013). Web 2.0 Interactive Tools: A Quick Guide. Bangi: Pusat Pembangunan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faez Ilias, Kalthom Husain, Mohd Amin Mohd Noh, Zetty Nurzuliana Rashed, & Murihah Abdullah. (2016). Sumber Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan GPI Sekolah Bestari. *E-Academia Journal UiTMT*, 5(2), 106-114.
- Mohd Faez Ilias, Murihah Abdullah, Kalthom Husain, Kamarul Azmi Jasmi, Abdul Hafiz Abdullah, & Arieff Salleh Rosman. (2016). Jenis-Jenis Sumber Pengetahuan Guru Pendidikan Islam dalam Penggunaan Bahan Bantu Mengajar di Sekolah Bestari. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 3(2), 41- 54. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Nik Mastura Nik Mohammad, Mohd Nor Mamat, & Posiah Mohd Isa. (2011). M-learning in Malaysia: Challenges and Strategies. In *The 3rd International Conference on e-Learning ICEL2011*, 23-24 November 2011, Bandung, Indonesia M-learning (vol. 67, pp. 393-401). Elsevier B. V. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.11.343>
- Nor Aziah Abdul Aziz, & Mohd Taufik Hj Ahmed. (2016). E-Pembelajaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di IPG Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 11, 116–130. <https://doi.org/10.1145/3060403.3060449>
- Nur Atikah Miasan & Tengku Sarina Aini Tengku Kassim (2018). Pengamalan M-Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Novis Pendidikan Islam Di Sabah. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 3(1).
- Orgoványi-Gajdos, J. (2015). Expert and Novice Teachers' approaches to Problematic Pedagogical Classroom Situations. In Ferit uslu (Eds.). *Proceedings of INTCESS15-2nd International Conference on Education and Social Sciences*. Istanbul: International Organization Center of academic Research.
- Oshrat-Fink, Y. (2014). From The Campus To The Classroom: A Narrative Theory Of Novice Teachers' Transition Processes. *Reflective Practice*, 15(6): 729-750.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila & Mashita Abu Hassan. (2019). Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah

- Kebangsaan. dalam *Journal of Management and Operation Research (JoMOR)*. Vol 1, No 4. pp.1-23.
- Robiah Sidin, & Nor Sakinah Mohamad. (2007). ICT dalam Pendidikan : Prospek dan Cabaran dalam Pembaharuan Pedagogi. *Jurnal Pendidikan*, 32, 139-152.
- Rubiah Omar & Jamilah Ahmad (2014). Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Ahli Akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 344 (1), 155- 172.
- Siti Nor Farhana Shaik Ismail, & Siti Mistima Maat. (2017). Kontekstual Untuk Pembelajaran Bermakna dalam Pengajaran dan Pembelajaran. In Seminar Pendidikan Serantau ke-VIII (pp. 75-89). Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kassim & Fatimah Sahida Abdurajak. (2018). Pengalaman Pengajaran Guru Novis Pendidikan Islam: Implikasi terhadap Reka Bentuk Kurikulum Latihan Pendidikan Guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 59-66.
- Wahyu Idrus & Yahya Buntat. (2006). *Aplikasi 'e-learning' dalam Pengajaran & Pembelajaran di Sekolah-sekolah Malaysia : Isu dan Cadangan Pelaksanaannya* dalam Seminar TVE06, 09-10 December 2006, Hotel Sofitel Palm Resort.
- Wolff, C. E., Jarodzka, H. & Boshuizen, H.P.A. (2017). See And Tell: Differences Between Expert And Novice Teachers' Interpretations Of Problematic Classroom Management Events. *Teaching and Teacher Education*, 66: 295-308.
- Zuhri Arafah Zulkifli & Zawiyah M. Yusof. (2013). Tingkah Laku penggunaan Facebook Group bagi Perkongsian Pengetahuan dalam Pembelajaran. Kertas kerja dibentangkan di World Conference on Intergration of Knowledge (WCIK), di Langkawi, Malaysia pada 25-26 November 2013.